

Kateterisasi Sementara

Panduan untuk pengasuh

1. Apa itu kateterisasi sementara?
2. Menyediakan alat perkakas yang diperlukan
3. Menyediakan diri anda sebelum prosedur
4. Memasukkan kateter (untuk lelaki)
5. Memasukkan kateter (untuk perempuan)
6. Mengeluarkan kateter
7. Mencuci dan mengeringkan kateter selepas prosedur
8. Menyimpan kateter
9. Penggunaan kateter berulang-kali
10. Mengeluarkan air kencing semalam (untuk kanak-kanak kecil dan remaja)

Lihat risalah di laman HealthBuddy



https://for.sg/catheterisation-caring-with-malay

Kandungan risalah ini adalah kerjasama di antara hospital-hospital berikut:



Singapore
General Hospital
SingHealth



Changi
General Hospital
SingHealth



Sengkang
General Hospital
SingHealth

SingHealth Duke^{NUS}
ACADEMIC MEDICAL CENTRE
Institute for
Patient Safety & Quality



KK Women's and
Children's Hospital
SingHealth



National Heart
Centre Singapore
SingHealth



SingHealth
Community Hospitals


SingHealth Patient Advocacy Network

Bright Vision • Outram • Sengkang

1. Apa itu kateterisasi sementara?

Ia adalah penyisipan dan penyingkiran kateter ke dalam uretra beberapa kali sehari untuk mengosongkan pundi kencing.

2. Menyediakan alat perkakas yang diperlukan



Gambar 1



Gambar 2

- a. Kateter dan bekas mengumpul air kencing (rujuk gambar 1)
- b. Bekas pengukur yang memiliki ukuran milimeter (rujuk gambar 2)
- c. Jel pelinciran berdasarkan air
- d. Buku nota untuk catatan

Peringatan

Lakukan kateterisasi mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh doktor atau jururawat anda.

2. Menyediakan alat perkakas yang diperlukan (sambungan)

Buat kanak-kanak kecil dan remaja

Seperti yang telah ditetapkan oleh doktor atau jururawat:

a. Pilih saiz yang telah diukur dan ditetapkan

b. Jel Lignocaine 2%

- c. Jika air kencing harus dikeluarkan semalam:
- Mikropor 2 inci (rujuk gambar 3)
 - Dua keping lampin atau beg koleksi air kencing (rujuk gambar 4)
 - Swab alkohol



Gambar 3

Cara menyusun lampin

ATAU

Beg koleksi air kencing



Lampin #1

Lampin #2



Tiub beg air kencing
yang bertutup

Gambar 4


Ikut kesesuaian pengasuh:

a. Gunakan tisu basah tanpa alkohol untuk pembersihan.

b. Beberapa pil penstrilan untuk membersihkan kateter kencing atau beg mengumpul air kencing yang akan digunakan berulang kali.

3. Menyediakan diri anda sebelum prosedur

- a. Cuci tangan anda menggunakan sabun dan air.
- b. Cuci sekitar kemaluan dengan air dan sabun.
 - Untuk lelaki yang tidak berkhatan, tarik kulit kulup zakar ke belakang sebelum mencuci sekitar kemaluan (gambar 6).



Gambar 5

- c. Sapukan jel pelincir / jel lidocaine dari hujung kateter kencing (rujuk gambar 5). Panjang pelinciran disyorkan oleh doktor atau jururawat.

- d. Pastikan pesakit atau diri anda berada di posisi yang sesuai dan selesa.

Jika anda menghadapi masalah semasa memasukkan kateter kencing, anda boleh mencuba saranan berikut:

- a. Sukar untuk memasukkan kateter
 - i. Arahkan pesakit mengambil nafas yang panjang dan kecutkan otot perut seolah-olah ingin membuang air kecil.
- b. Mengecutkan otot perut tidak dapat membantu
 - i. Keluarkan kateter sepenuhnya, bernafas secara mendalam dan berehat selama 5 minit.
 - ii. Cuba sekali lagi.
- c. Kesakitan yang tajam
 - i. Keluarkan kateter dan dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

4. Memasukkan kateter (Untuk Lelaki)



- Pegang zakar pesakit ke sudut 60°, untuk meluruskan uretra.



- Perlahan-lahan masukkan kateter yang telah dilincirkan dengan jel ke dalam uretra. Berhenti memajukan kateter apabila air kencing mula mengalir.



- Turunkan sudut zakar untuk mengalirkan air kencing ke dalam bekas.


5. Memasukkan kateter (Untuk Perempuan)



a. Pisahkan bahagian labia dengan jari telunjuk dan jari tengah tangan. Jangan menggunakan tangan dominan anda.




b. Perlahan-lahan masukkan kateter yang telah dilincirkan dengan jel ke dalam uretra. Berhenti memajukan kateter apabila air kencing mula mengalir.



c. Turunkan sudut kateter untuk mengalirkan air kencing ke dalam bekas mengumpul air kencing.

6. Mengeluarkan kateter

- a. Tarik kateter keluar perlahan-lahan apabila air kencing berhenti mengalir.
- b. Untuk lelaki yang tidak berkhatan, tolak semula kulit kulup zakar perlahan-lahan selepas mengeluarkan kateter (rujuk gambar 6).



- c. Basuh tangan selepas prosedur.
- d. Ukur dan rekod jumlah air kencing.

Peringatan

- Perhatikan warna (kekuningan, coklat, atau kemerahan) atau jika terdapat kotoran di air kencing anda. Catat juga jika air kencing anda mempunyai bau busuk yang kuat. Jika ia berterusan selama lebih 24 jam, dapatkan nasihat doktor dengan segera.
- Bawa dan tunjukkan buku catatan anda pada setiap temujanji bersama doktor atau jururawat anda.

7. Mencuci dan mengeringkan kateter selepas prosedur



Gambar 7

- a. Basuh kateter dengan air dan/atau sabun ringan di bawah air paip yang sedang mengalir (rujuk gambar 7).
- b. Buang air berlebihan dan keringkan dengan kertas tisu bersih.

Untuk kanak-kanak kecil dan remaja

Pilihan tambahan bagi pegasuh:

- a. Tisu sedia-basah (TANPA alkohol) untuk membersihkan sekitar perineum.
- b. Pil penstrilan bagi kateter kencing dan beg mengumpul air kencing yang akan digunakan berulang kali.

8. Menyimpan kateter



Gambar 8

- a. Simpan kateter dalam bekas plastik bersih dengan penutup (rujuk gambar 8). Jika beg Ziploc digunakan, pastikan ia ditukar setiap hari.
- b. Simpan di tempat yang sejuk dan kering untuk kegunaan seterusnya.
- c. Basuh tangan anda selepas prosedur.

9. Penggunaan kateter berulang-kali


- a. Tukar kateter seperti yang diarahkan oleh doktor atau jururawat anda.

10. Mengeluarkan air kencing semalam (untuk kanak-kanak kecil dan remaja)

- a. Gunakan pelekat mikropor untuk memastikan kateter kencing tidak bergerak. Bersihkan penghujung kateter kencing dengan menggunakan swab alkohol (rujuk gambar 9).



- b. Sambungkan kateter ke beg koleksi air kencing yang baru ATAU letakkan bukaan saliran kateter pada lampin berkembar (rujuk gambar 10).



- c. Tanggalkan kateter kencing dari tiub beg pengumpulan air kencing yang telah di gunakan semalam.
- d. Buang beg koleksi air kencing atau lampin.

10. Mengeluarkan air kencing semalam (untuk kanak-kanak kecil dan remaja) (sambungan)

Panduan buat pengasuh:

- a. Jika beg kencing akan digunakan berulang-kali,
 - i. Cuci dengan air dan sabun atau air yang sudah dicampur pil penstrilan dan gantung sehingga kering.
 - ii. Bersihkan penghujung beg pengumpulan air kencing menggunakan alkohol swab sebelum disambung kepada kateter kencing (rujuk gambar 11).



Gambar 11

- iii. Gantikan beg koleksi air kencing seperti yang telah dinasihatkan oleh doktor atau jururawat anda.

Panduan berguna

Untuk umum



Panduan
Berguna #1

Diet

- a. Anda boleh mengikut cara pemakanan anda seperti biasa. Pastikan mengambil buah-buahan dan sayur-sayuran untuk mengelakkan sembelit.
- b. Sembelit boleh menyebabkan kesukaran membuang air kecil. Jika menghadapi masalah sembelit, sila berjumpa dengan doktor atau jururawat untuk mendapatkan nasihat selanjutnya.



Panduan
Berguna #2

Pengambilan air

- a. **JANGAN** mengurangkan pengambilan air untuk mengelakkan kateterasi, melainkan dinasihatkan oleh doktor atau jururawat anda.
- b. **Untuk dewasa**
 - Minum kira-kira 2 liter atau 7-8 gelas air setiap hari.
- c. **Untuk kanak-kanak kecil dan remaja**
Minum air secukupan setiap hari:
 - 1.2 liter (bawah daripada 2 tahun)
 - 1.2 hingga 1.4 liter (2 hingga 7 tahun)
 - 1.4 hingga 1.6 liter (7 hingga 12 tahun)
 - 1.6 hingga 1.8 liter (12 tahun ke atas)

Kateterisasi sementara



Persediaan untuk kateteri

- a. Ikut jadual yang ditetapkan.
- b. Sebelum memulakan prosedur kateterisasi sementara
 - **Untuk dewasa:** Bagi dewasa, buang air kecil sebelum memulakan prosedur kateterisasi (jika boleh).
 - **Untuk kanak-kanak kecil dan remaja:** Untuk kanak-kanak kecil atau remaja, sila rujuk kepada doktor atau jururawat anda.
- c. Pastikan anda atau pesakit sedang tenang sebelum memulakan prosedur. (otot yang tegang menjadikan kateter lebih sukar untuk dimasukkan).

HUBUNGI KAMI DENGAN SEGERA JIKA ANDA MEMPUNYAI:

- Kesukaran atau peningkatan kesakitan apabila memasukkan kateter
- Kesukaran untuk membuang air kecil
- Air kencing berdarah (kesan darah yang sedikit adalah normal)
- Perut yang bengkak
- Kesakitan yang berpanjangan
- Kemerahan kulit di sekitar zakar/skrotum (untuk lelaki)
- **Tanda-tanda jangkitan seperti:**
 - Air kencing yang berbau busuk, atau kehadiran kekotoran seperti pasir dalam air kencing anda
 - Demam yang berterusan lebih daripada 38 selsius atau menggigil
 - Sakit di bahagian bawah pinggang belakang atau bahagian bawah perut

Nombor telefon yang perlu diberikan oleh kakitangan hospital:

Hubungi kami pada waktu pejabat. Jika di luar waktu pejabat, sila ke klinik keluarga berdekatan atau unit kecemasan.

Arahan dalam buku kecil ini adalah untuk panduan dan tidak bertujuan untuk menyeluruh.

Dalam kes-kes tertentu, anda mungkin menerima arahan / nasihat yang berbeza atau tambahan daripada doktor anda. Anda dinasihatkan untuk mengikuti arahan diberikan kepada anda oleh penyedia penjagaan kesihatan anda.

Sila tanya soalan jika anda tidak pasti.



PATIENTS. AT THE HEART OF ALL WE DO.[®]

